SIARAN SERTA MERTA
NRES.100-9/1/2 (63)

KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

BELANJAWAN 2027: PERKUKUH AGENDA KELESTARIAN NEGARA

Kerajaan MADANI komited memperkukuh agenda kelestarian negara menerusi Belanjawan 2027 yang bertemakan **"Malaysia MADANI: Menggapai di Langit, Mengakar di Bumi"**. Tema ini mencerminkan aspirasi untuk membawa Malaysia ke tahap kemajuan yang lebih tinggi, berteraskan pembangunan mampan, pengurusan sumber asli yang bertanggungjawab serta pemeliharaan alam sekitar demi kesejahteraan rakyat dan generasi akan datang.

Bagi tahun 2027, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menerima sejumlah RM2.51 bilion iaitu peningkatan sebanyak **4.8 peratus** berbanding dengan tahun 2026. Peruntukan belanja mengurus (OE) berjumlah **RM1.59 bilion**, berbanding RM1.49 bilion pada tahun 2026, iaitu peningkatan sebanyak **6.9 peratus**. Peningkatan ini akan menyokong kesinambungan pelaksanaan fungsi dan tanggungjawab Kementerian dalam memperkukuh pengurusan sumber asli, memelihara biodiversiti serta memastikan kelestarian alam sekitar terus menjadi sebahagian penting daripada agenda pembangunan negara.

Dalam usaha memperkukuh pemuliharaan biodiversiti dan hutan, peruntukan **Insentif Kewangan bagi Konservasi Biodiversiti dan Hutan (*Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation* – EFT)** turut meningkat daripada RM250 juta pada tahun 2026 kepada **RM270 juta pada tahun 2027**, iaitu kenaikan sebanyak **8 peratus**. Peningkatan ini mencerminkan kepentingan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam mempergiat usaha pemuliharaan alam sekitar serta melindungi khazanah biodiversiti negara.

Kerajaan turut meningkatkan peruntukan **Bantuan Kerugian Harta Benda dan Tanaman Akibat Serangan Hidupan Liar (BKHT)** kepada **RM1.8 juta** bagi tahun 2027 berbanding RM1.5 juta pada tahun 2026, iaitu peningkatan sebanyak **20 peratus**. Bantuan ini merupakan antara usaha untuk membantu meringankan beban kerugian yang ditanggung oleh rakyat akibat konflik antara manusia dengan hidupan liar, di samping menyokong pendekatan pengurusan hidupan liar yang mengambil kira aspek pemuliharaan dan kesejahteraan masyarakat.

Peruntukan sebanyak **RM65 juta** disediakan antaranya untuk memanfaat sekitar **2,500 renjer komuniti** daripada kalangan orang asli, veteran tentera dan pesara polis yang akan melindungi khazanah biodiversiti negara. Peruntukan ini termasuk membina dan menyelenggara pos-pos renjer untuk tujuan rondaan.

Agenda kelestarian negara turut diperkasakan menerusi **pelanjutan dan penambahbaikan program Elaun Cukai Pelaburan Teknologi Hijau (GITA) dan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GFS) sehingga 31 Disember 2030.** Menerusi galakan ini, syarikat yang melabur dalam aset teknologi hijau yang mematuhi senarai kelayakan yang ditetapkan seperti peralatan cekap tenaga dan stesen pengecasan kenderaan elektrik (EV) bagi kegunaan sendiri, layak mendapat elaun cukai sehingga 100 peratus. Langkah ini diperkukuh dengan pelaburan RM15 bilion oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk Grid Nasional, pelaburan RM1 bilion oleh UEM LESTRA bagi projek tenaga hibrid dan penyimpanan tenaga, penyediaan Dana Iklim KWAP RM1 bilion, serta pembangunan Pengerang Biorefinery untuk penghasilan bahan api rendah karbon seperti *Sustainable Aviation Fuel* (SAF).

Komitmen kelestarian juga diperluas menerusi pelbagai kementerian dan pihak berkuasa tempatan dalam pemeliharaan ekosistem. Antaranya termasuk peruntukan RM15 juta daripada dana ses industri sawit bagi pemuliharaan spesies terancam seperti Harimau Malaya dan Gajah. Di peringkat perbandaran, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyediakan RM400 juta untuk membangunkan 120 ekar kawasan hijau baharu di samping mengwartakan 100 ekar tanah di Bukit Kiara sebagai Taman Persekutuan. Manakala bagi ekosistem marin, ikhtiar pembelian pukat lama diperkenalkan untuk mengelakkan ancaman kepada hidupan laut, disusuli penaiktarafan sistem pembetungan awam di pulau-pulau peranginan utama seperti Langkawi, Redang dan Tioman.

Kementerian akan terus berusaha memastikan agenda pemuliharaan biodiversiti, perlindungan hidupan liar serta pengurusan sumber asli dan alam sekitar menyumbang kepada pembangunan negara yang mampan, inklusif dan seimbang, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI untuk membina masa depan yang lebih sejahtera dengan alam sekitar yang terus terpelihara.

-TAMAT-

DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
10 OKTOBER 2026